



Headline: Guru rugi RM60,000 ditipu Macau Scam

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 3 April 2020

Section: Tempatan  
Page: 11

## **Guru rugi RM60,000, ditipu Macau Scam**

**SIBU:** Seorang guru sekolah terpaksa berputih mata selepas kerugian RM60,000 akibat ditipu oleh sendikit penipuan Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, sekitar jam 11.20 pagi Rabu lalu pengadu 45, telah menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri daripada TM Point Malaysia.

Menurutnya, menerusi perbualan telefon suspek telah memaklumkan bahawa Unifi pengadu telah digunakan secara haram oleh penama Ong untuk aktiviti jenayah perubahan wang haram.

"Pengadu yang takut dan panik menafikan perkara tersebut kerana bimbang maklumat dirinya disalah guna yang mana telah ditawarkan untuk menyelesaikan perkara tersebut.

"Panggilan pengadu kemudiannya disambung kepada Pegawai 'Polis' yang mengaku daripada Bukit Aman iaitu 'ACP Poh Han

Siong' yang meminta pengadu untuk memin-dahkan kesemua wang ke akaun yang diberikan bagi tujuan siasatan oleh Bukit Aman," jelasnya ketika dihubungi oleh pemberita petang tadi.

Katanya, terpedaya dengan panggilan tersebut pengadu telah mengeluarkan kesemua Fix Deposit miliknya dari salah sebuah bank. "Pada hari sama, pengadu telah membuat pembayaran ke tujuh akaun bank atas nama pemilik yang berbeza dengan jumlah keseluruhan RM60,000," ujarnya lagi.

Jelasnya, setelah memasukkan wang ke dalam akaun yang diberikan, pengadu telah kehabisan wang di dalam akaun Fix Deposit miliknya.

"Pengadu menyedari ditipu setelah panggilan pemanggil tersebut ditamatkan dan panggilan pengadu telah disekat. Pengadu datang balai untuk membuat laporan polis.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," tegasnya.